

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

BIL. CIM. Kn. 85/59/(62)

Kepada:

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah
Kelantan.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1967

HASIL TAHUNAN YANG DIKENAKAN KE ATAS TAHUN YANG DIBERI MILIK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Mengikut Peraturan 15 daripada Peraturan Tanah Kelantan 1966 Pihak berkuasa Negeri mungkin mengubah kadar hasil yang ditetapkan dalam Peraturan 14 daripada Peraturan itu juga terhadap sebidang tanah yang akan diberi milik jika dianggap perlu. Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan di bawah Peraturan 14 kadar hasil yang dikenakan ke atas tiap-tiap satu jenis kegunaan tanah yang diberi milik di bawah Kanun Tanah Negara. Kadar yang ditetapkan di bawah Peraturan 14 ini ialah yang biasa dikenakan dengan tidak menggunakan kuasa istimewa di bawah Peraturan 15.

2. Bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 9hb. April, 1967 telah menimbangkan Kertas Bilangan 6/165 II (30 dan bersetuju menetapkan bahawa di masa akan datang hasil yang dikenakan ke atas tanah yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan sekolah, klinik atau lain-lain bangunan yang memberi faedah khas kepada Negeri ini atas 20% sahaja daripada Hasil Tanah untuk bangunan yang dikenakan kepada orang awam sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 14. Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian keputusan di atas langkah selanjutnya apabila menyediakan Kertas-kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan menimbangkan permohonan-permohonan tanah daripada Kerajaan Persekutuan.

t.t

(Hashim bin Aman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**
KOTA BHARU: **27HB. APRIL, 1967**